

**TINJAUAN TERHADAP UNSUR KO-KREASI DALAM  
PAMERAN PROJEK MONYET@USM**  
***A REVIEW OF CO-CREATION ELEMENT IN PROJECT  
MONKEY@USM EXHIBITION***

**Mohamad Faizuan bin Mat<sup>1\*</sup>**  
**Hasnul Jamal Saidon<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>*Sekolah Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia*

<sup>1</sup>*Fakulti Seni Gunaan & Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia*

<sup>2</sup>*Sekolah Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia*

<sup>1</sup>*\*mohdfaizuan@gmail.com; 2hasnulsaidon@usm.my*

Tarikh dihantar: 14 April 2022 / Tarikh diterima: 20 Julai 2022 / Tarikh terbit: 31 Disember 2022

<https://doi.org/10.51200/ga.v1i2.4190>

---

## ABSTRAK

Pameran Projek Monyet@USM julung kalinya diadakan di Muzium Galeri Tuanku Fauziah, Universiti Sains Malaysia (USM) pada 25 Oktober 2021 sehingga 15 Januari 2022. Pameran ini dikuratori oleh Hasnul Jamal Saidon dan Afzanizam M. Ali. Pameran ini tidak mengemukakan seniman terkemuka mahupun pengamal seni profesional. Sebaliknya, pameran ini menerapkan sebahagian unsur ko-kreasi dengan kerjasama daripada pelbagai pihak, terutamanya penglibatan orang ramai yang dijemput untuk menyumbangkan karya seni mereka berkaitan dengan subjek pameran. Penulisan ini akan mengulas lebih lanjut tentang kaedah ko-kreasi sebagai sebahagian daripada strategi kuratorial.

**Kata kunci:** Kaedah ko-kreasi, Projek Monyet@USM, primat, keterlibatan komuniti, seni komuniti.

## ABSTRACT

*The Project Monyet@USM exhibition was held for the first time at the Muzium Galeri Tuanku Fauziah, Universiti Sains Malaysia (USM) from 25 October 2021 until 15 January 2022. The exhibition was curated by Hasnul Jamal Saidon and Afzanizam M.Ali. The exhibition does not feature leading artists or professional art practitioners. Instead, the exhibition incorporates some elements of co-creation with the cooperation of various parties. In particular, the involvement of the public members who were invited to contribute their artworks related to the subject of the exhibition. This article discusses the use of co-creation methods as part of its curatorial strategy.*

**Keywords:** Co-creation method, Project Monyet@USM, primate, community engagement, community art.

## PENGENALAN

Pameran Projek Monyet yang telah dilaksanakan secara hibrid di Muzium Galeri Tuanku Fauziah (MGT), Universiti Sains Malaysia (USM) pada 25 Oktober 2021 sehingga 15 Januari 2022 yang lalu telah dianjurkan oleh USM dengan kerjasama *Malaysia Primatology Society* (MPS), *Langur Project Penang* (LPP) dan *Roots and Shoot Malaysia* serta penglibatan orang ramai. Pameran ini diadakan sebagai satu inisiatif untuk mendekatkan orang ramai dengan warisan hidupan liar terutamanya jenis primat seperti monyet melalui kesenian. Objektifnya adalah untuk mewujudkan kesedaran orang ramai tentang primat di Malaysia dan aspek konservasi terhadap hidupan liar ini.

### Penerapan Unsur Ko-Kreasi

Pameran ini tidak hanya memberi penekanan pada hal benda yang ingin disampaikan semata-mata tetapi juga pada kaedah kuratorial pameran. Walaupun tidak menggunakan kaedah ko-kreasi (*co-creation*) secara menyeluruh tetapi terdapat percubaan dalam menerapkan kaedah tersebut dalam pameran ini melalui penyertaan orang ramai. Orang ramai dipelawa untuk menyumbangkan karya mereka secara fizikal mahupun secara dalam talian. Mereka bebas menghasilkan karya dalam pelbagai media sama ada lukisan, catan, fotografi dan sebagainya selagi berkaitan dengan primat monyet dan lain-lain. Justeru, sebahagian daripada karya-karya yang dipamerkan terdiri daripada karya-karya hasil kreativiti kanak-kanak dan orang dewasa. Sebahagiannya lagi adalah karya fotografi oleh Peter Ong, seorang jurugambar dan aktivis hidupan liar. Kurator pameran, Hasnul Jamal Saidon dan Afzanizam M.Ali bekerjasama dengan Dr. Nadine Ruppert, ketua untuk *Primate Research & Conservation Lab* di *School of Biological Science*, USM. Kerjasama ini memperlihatkan ko-kreasi antara dua bidang bagi memberi kefahaman yang mendalam tentang hal benda pameran ini. Secara tidak langsung, kaedah ko-kreasi memberi peluang dan ruang kepada orang ramai dalam keterlibatan berpameran, terutamanya kepada komuniti bukan seni yang tidak mempunyai pendidikan khas dalam bidang seni. Oleh itu, kaedah ini dilihat dapat menawarkan peratusan yang lebih tinggi dalam memberikan kesedaran kepada orang ramai (seniman) tentang hidupan liar seperti primat ini. Hal ini berlaku disebabkan mereka terlibat secara langsung dalam pameran ini yang bertindak sebagai seorang seniman. Sudah tentu, secara tidak langsung mereka membuat kajian awal dan melakukan diskusi sebelum menghasilkan karya mereka.

## **Impak Kaedah Ko-Kreasi**

Kaedah ko-kreasi ini menawarkan pengolahan pameran seni yang pasif kepada aktif ekoran daripada perbincangan di antara penyedia pameran dengan orang ramai yang ingin turut serta sebagai seniman. Dalam konteks kaedah ko-kreasi, seniman tidak dilihat atau dipilih berdasarkan nama mahupun populariti. Perkara ini ditunjangi oleh semangat inklusif melebihi eksklusif. Dalam erti kata lain, sifat elitis seorang seniman telah dinafikan oleh penyertaan orang ramai yang bertindak sebagai seniman dalam pameran tersebut. Justeru, terlihat kesan yang lebih mendalam tentang penglibatan orang ramai berbanding penggiat seni berpengalaman. Konsep ini juga meraikan kebersamaan, kerjasama, gotong-royong dan kolaborasi pada tahap yang lebih tinggi. Selain itu, pameran yang dilaksanakan adalah untuk meraikan ilmu pengetahuan atau informasi berkenaan subjek pameran berbanding bentuk (*form*) itu sendiri. Sudah tentu, bentukan dan rupa karya akhir oleh orang ramai tidak akan memberikan keasyikan pada aspek elemen dan prinsip rekaan serta nilai estetika. Hal ini demikian kerana, kaedah ko-kreasi menekankan aspek keterlibatan komuniti berbanding elemen dan prinsip rekaan serta estetika. Tambahan pula, penekanan juga diberikan dalam aspek epistemologi dalam sesbuah pameran dengan menerapkan pelbagai aktiviti khidmat untuk mendidik (*serve to educate*) seperti Studio Monyet yang diadakan dalam projek ini. Antara intipati lain kaedah ko-kreasi ini ialah menjadikan pendekatan yang bersifat ‘mengawal’ pengunjung di premis muzium berubah kepada aspek ‘pemerksaan komuniti’. Penerapan konsep ko-kreasi ini juga menjadikan *pusat pengeluar* kepada *pusat pengguna*, *persaingan* kepada *kolaborasi*, *persengketaan* kepada *perpaduan*, *mengurus* kepada *menginspirasikan*, dan *mendiskripsi* kepada *mengalami*. Semua ini mungkin tercetus dengan pemilihan konsep yang tepat seperti yang diterapkan oleh kurator pameran Projek Monyet@USM ini. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dan memerlukan kaedah penilaian tertentu untuk pembuktian secara mendalam tentang kesan serta impaknya.

## **Karya-karya Pilihan dan Aktiviti Pameran Projek Monyet@USM**

Banyak perkara yang tidak terduga, tercetus daripada pameran ini terutamanya potensi yang tercungkil dalam kalangan kanak-kanak. Contohnya, karya oleh adik Ong Ee Been berumur empat tahun yang bertajuk ‘Happy Monkey’. Ong Ee Been menghasilkan karya catan timbul (*relief painting*) dalam mengartikulasikan pemahamannya terhadap monyet. Seawal usia empat tahun, Ong Ee Been telah didedahkan dengan aktiviti berpameran di galeri. Pengalaman ini akan memberikan inspirasi kepada Ong Ee Been untuk terus bergiat dalam aktiviti kesenian.



Foto 1 Happy Monkey oleh Ong Ee Been, 2021

Sumber: Laman sosial Facebook MGTF

Karya oleh adik Yee Wei Shen, 9 tahun dengan tajuk ‘Monyet’ (Foto 2) pula menggunakan teknik ‘doodle’ dalam memberikan interpretasinya terhadap monyet. Kebebasan menggunakan media dan teknik benar-benar membawa hasil yang cukup mengagumkan. Perkara ini dapat kita lihat daripada hasil akhir karya kanak-kanak ini.



Foto 2 Monyet oleh Yee Wei Shen, 2021

Sumber: Laman sosial Facebook MGTF

Sudah tentu pengalaman ini akan memberikan motivasi kepada semua kanak-kanak yang terlibat sekali gus mewujudkan rasa cintakan seni dalam diri mereka. Impak dan kesan penganjuran aktiviti sebegini terhadap orang ramai, terutamanya kanak-kanak tidak akan hadir serta-merta, sebaliknya mengambil tempoh yang lama. Namun, segala pengalaman dan ilmu pengetahuan yang mereka raih akan menjadi pembelajaran sepanjang hayat buat mereka.



**Foto 3** Adik Naura Aamily binti Azizi dari Georgetown, Pulau Pinang mengambil bahagian dalam aktiviti yang dianjurkan oleh Pameran Monyet@USM  
Sumber: Laman sosial Facebook MGTF



**Foto 4** Adik Medina binti Marwan sedang melukis di Studio Monyet sempena Pameran Projek Monyet  
Sumber: Laman sosial Facebook MGTF

Walaupun dijalankan secara santai, aktiviti melukis dan mewarna di Studio Monyet memberikan kesan kepada kanak-kanak yang menyertainya. Mereka seolah-olah diberikan ruang baharu yang lebih segar untuk menyemai kreativiti setelah lama tidak hadir ke sekolah akibat penularan wabak COVID-19.



**Foto 5** Kurator pameran, Profesor Madya Hasnul Jamal Saidon memberi penerangan kepada pengunjung.

Sumber: Laman sosial Facebook MGTF

Pameran Projek Monyet@USM ini tidak hanya disaksikan secara dalam talian sahaja, bahkan pengunjung sangat teruja untuk melihat secara fizikal. Beberapa pengunjung (Foto 5) sedang mendengar penjelasan yang diberikan oleh kurator pameran berkenaan konsep kuratorial.

## KESIMPULAN

Walaupun pameran Projek Monyet@USM ini tidak menggunakan kaedah ko-kreasi secara menyeluruh, ia tetap memberikan ruang dan peluang keterlibatan seni untuk orang ramai. Dalam keadaan dunia hari ini yang tegang ekoran penularan wabak COVID-19, pameran atau projek seperti Monyet@USM ini sangat dituntut untuk memulihkan emosi dan mental orang ramai. Usaha menghadirkan keterlibatan dan kolaborasi bersama orang ramai pada masa norma baharu ini akan memberikan keputusan positif, terutamanya terhadap kanak-kanak kerana mereka telah melalui satu tempoh masa yang agak sukar apabila sekolah ditutup ekoran penularan wabak COVID-19. Mereka memerlukan aktiviti dan

ruang untuk meneruskan kreativiti mereka. Justeru, pendekatan yang diambil oleh pameran Projek Monyet@USM ini adalah sangat tepat sebagai suatu rujukan untuk pameran atau projek yang akan datang. Kaedah ko-kreasi dilihat mampu memberikan ruang dan peluang kepada seniman dan komuniti untuk bekerjasama semula dalam aktiviti kesenian.

## RUJUKAN

- Halim, B. (3 Januari 2022). *Throwback, Singgah sebentar di Mgtf Usm untuk melawat karya-karya pelajar saya dalam pameran Project Monyet.* <https://www.facebook.com/mgtfusm>
- Mgtf USM. (21 Disember 2021). *Salam Kasih dan Belas. Lawatan muhibah pengarah Muzium Negeri Pulau Pinang, Puan Haryany Mohamad bersama kakitangannya ke pameran Project Monyet.* Facebook. MGTF, Universiti Sains Malaysia (USM).
- Mgtf USM. (23 Disember 2021). *Salam Kasih dan Belas. Terima kasih banyak adik Arissa Irdina binti Mohd Syakir dari Kulim, Kedah atas sumbangan baik & kreatif adik dalam mencipta bersama pengalaman melawat & pembelajaran di dalam ‘Project Monyet’ yang indah ini.* Facebook. MGTF, Universiti Sains Malaysia (USM).
- Mgtf USM. (29 Disember 2021). *Salam Kasih dan Belas. Mencipta Bersama.* Facebook. MGTF, Universiti Sains Malaysia (USM).
- Mgtf USM. (30 Disember 2021). *Salam Kasih dan Belas. Terima kasih Dr. Vina Tan dari USM Kampus Kesihatan Kubang Kerian atas kesudian berkunjung ke pameran Project Monyet bersama keluarga.* Facebook. MGTF, Universiti Sains Malaysia (USM).
- Project Monyet Articles. (2022). *Celebrating Resilience: Alumni Bulletin.* Universiti Sains Malaysia (USM).
- Saidon, H.J. (15 Januari 2022). *Liputan Pameran Projek Monyet: Media MGFT.* <https://www.youtube.com/watch?v=QyngUGoaJIA>